



KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

1. Sinopsis Pelaksanaan
Kod Tadbir Urus Baik Pertubuhan
2. Apa itu
Kod Tadbir Urus Baik Pertubuhan?
3. Negara-negara Rujukan
4. 5 Prinsip
Kod Tadbir Urus Baik Pertubuhan
5. Ikrar Integriti Pertubuhan



COGG

Sinopsis Pelaksanaan

KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

1

BENGKEL KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

Tempat : Hotel Everly, Putrajaya

Tarikh : 16 - 18 Oktober 2014

2

PELANCARAN KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN SEMPENA KARNIVAL PERTUBUHAN KEBANGSAAN 2014

Tempat : Stadium Shah Alam

Tarikh : 1 November 2014

3

MESYUARAT KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

Tempat : Ibu Pejabat JPPM

Tarikh : 3 Ogos 2015

4

BENGKEL KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

Tempat : Hotel Casuarina

Tarikh : 22 - 23 November 2015

5

PELANCARAN BUKU KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

Tempat : MITC, Melaka

Tarikh : 08 Oktober 2016



Kod Tadbir Urus Pertubuhan merupakan projek sulung JPPM bagi menggerakkan pelan transformasi jabatan. Kod Tadbir Urus Pertubuhan adalah satu set nilai dan prinsip yang akan membentuk sikap dan minda bagi dijadikan panduan untuk menjalankan tanggungjawab pemegang jawatan utama pertubuhan.

Ianya tidak berkaitan dengan peraturan sebaliknya pertubuhan yang mempunyai tadbir urus yang baik boleh meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap pertubuhannya.

JPPM berharap dengan pelancaran konsep kod ini akan menarik perhatian pertubuhan masyarakat sivil untuk berganding bahu dengan Jabatan bagi memperbaiki lagi kod tersebut. Portal/buku panduan yang dibangunkan diharap akan dimanfaatkan oleh pertubuhan sebagai panduan pengurusan serta tool untuk menilai prestasi pertubuhan. Penilaian akan dibuatkan oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti JPPM sendiri, kumpulan sasaran atau penerima manfaat pertubuhan tersebut, penyumbang, agensi-agensi yang terlibat dengan urusan pertubuhan serta orang awam. Hasil penilaian tersebut akan digunakan untuk menaraf bintangkan pertubuhan-pertubuhan berdaftar.

APA ITU Kod Tadbir Urus Baik Pertubuhan ?

Kod tadbir urus pertubuhan juga boleh digunakan sebagai piawaian untuk mengukur prestasi pemegang jawatan pertubuhan.

Kod tadbir urus pertubuhan yang telah dibangunkan oleh JPPM adalah berdasarkan penandaarasan dengan beberapa buah negara yang telah mula menggunakan pendekatan ini dalam penilaian dan pemantauan pertubuhan masyarakat sivil.

JPPM mensasarkan untuk menyebarluaskan kod ini kepada sekurang-kurangnya 30% daripada pertubuhan berdaftar yang aktif atau 16,000 pertubuhan mulai Januari sehingga ke Ogos 2017. Dalam tempoh tersebut rundingan akan diadakan dengan pelbagai kategori pertubuhan bagi mengkaji kesesuaian kod tersebut. JPPM berhasrat untuk melancarkan Kod Tadbir Urus Pertubuhan yang lengkap pada Hari Pertubuhan 24 September 2016.

TERMINOLOGI

Pemegang Jawatan – Individu yang dilantik dan bertanggungjawab memastikan pengurusan sesuatu pertubuhan berjalan lancar mengikut perlembagaan masing-masing.





Memahami Peranan
Masing-masing

01

Bertindak
Dengan Penuh
Berintegriti
Dan Telus

05

5 PRINSIP
KOD TADBIR
URUS BAIK
PERTUBUHAN

Memastikan
Matlamat
Pertubuhan
Tercapai

02

Bertindak Dengan
Cekap Secara
Individu dan
Berkumpulan

04

Mengamalkan
Kawalan Yang
Berkesan

03

KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

CODE OF GOOD GOVERNANCE (COGG)




PRINSIP KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

PRINSIP 1

Memahami
Peranan
Masing-masing




COGG

- 
- 1) Memastikan ahli Jawatankuasa, penasihat dan pekerja pertubuhan adalah mereka yang berkebolehan.
 - 2) Setiap pemegang jawatan dan pihak pengurusan pentadbiran pertubuhan perlu memahami peranan dan tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - 3) Menghadkan tempoh memegang jawatan selama enam tahun sahaja. Pelantikan semula bagi jawatan tersebut boleh dipertimbangkan selepas selang satu penggal. Namun begitu tempoh maksimum memegang jawatan utama dihadkan kepada 12 tahun sahaja.
 - 4) Menyediakan kepimpinan pelapis bagi memastikan kelangsungan pertubuhan.
 - 5) Mempunyai tatacara yang jelas berkaitan pengendalian kesalahan disiplin.
 - 6) Memastikan tiada individu membuat kenyataan bagi pihak pertubuhan kecuali mendapat kebenaran dari Jawatankuasa pertubuhan.
 - 7) Pekerja pertubuhan tidak boleh mengambil bahagian dalam membuat keputusan atau mengundi.

KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

CODE OF GOOD GOVERNANCE (COGG)




PRINSIP KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

PRINSIP 2

Memastikan
Matlamat
Pertubuhan
Tercapai



COGG

- 
- A conceptual image showing a large hand holding a glowing lightbulb, symbolizing guidance or vision. Below the hand, a path of small human figures leads towards the light, suggesting a journey or process. The background is a soft, out-of-focus blue and white.
- 1) Memastikan program yang dirancang selari dengan objektif pertubuhan.
 - 2) Sentiasa peka terhadap dasar, polisi dan inisiatif semasa yang berkaitan dengan pertubuhan.
 - 3) Mempunyai pelan transisi (transition plan) yang lengkap dan telus bagi memastikan kelangsungan pertubuhan.
 - 4) Kejayaan dan pengiktirafan pertubuhan dihebahkan kepada umum.

KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

CODE OF GOOD GOVERNANCE (COGG)




PRINSIP KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN


PRINSIP 3

Mengamalkan
Kawalan
Yang Berkesan



COGG

- 
- 1) Mengkaji dan meminda perlembagaan pertubuhan selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.
 - 2) Mempunyai satu SOP yang lengkap untuk kegunaan AJK, pekerja dan sukarelawan pertubuhan.
 - 3) Mewujudkan peraturan kecil pengendalian mesyuarat, penggunaan premis dan harta benda pertubuhan.
 - 4) Memastikan kehadiran ahli mesyuarat melebihi separuh daripada ahli berdaftar.
 - 5) Mengenalpasti dan menilai semula risiko-risiko utama berkaitan pertubuhan dan mempunyai kaedah untuk menguruskan risiko tersebut.
 - 6) Memastikan setiap pertubuhan mewujudkan Lembaga Bebas secara ad hoc yang tidak melibatkan AJK (semasa) bagi menguruskan dan menyelesaikan perselisihan dalaman secara berhemah.
 - 7) Menyediakan belanjawan dan memantau prestasi perbelanjaan agar selaras dengan perancangan tahunan pertubuhan

- 
- 8) Memastikan perbelanjaan pentadbiran tidak melebihi 30% daripada belanjawan tahunan (overhead cost).
 - 9) Mengoptimumkan penggunaan hasil pulangan daripada harta alih dan tak alih untuk mencapai objektif pertubuhan tanpa membuat simpanan berlebihan bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan oleh mana-mana pihak.
 - 10) Merekod dan menyimpan maklumat pemberi sumbangan dan penerima manfaat dana secara teratur bagi memudahkan rujukan dan menggalakkan ketelusan.
 - 11) Mendedahkan penyata kewangan secara sukarela kepada pihak yang berkepentingan (stakeholder).
 - 12) Mengamalkan kawalan dalaman dan kewangan yang mantap antaranya melalui penyediaan prosedur penerimaan dan penggunaan dana.
 - 13) Melantik pentadbir harta dan pemegang amanah bagi melindungi aset dan kepentingan organisasi.
 - 14) Bagi pertubuhan yang mempunyai pendapatan melebihi RM300 ribu, ia hendaklah diaudit oleh juruaudit bertauliah.
 - 15) Juruaudit hendaklah tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana ahli jawatankuasa.




PRINSIP KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN

PRINSIP 4

Bertindak
Dengan Cekap
Secara Individu
Dan Berkumpulan

COGG

- 
- 1) Ahli Jawatankuasa hendaklah dipilih berdasarkan kepada beberapa faktor seperti pengetahuan, kemahiran, berintegriti dan berkomitmen tinggi.
 - 2) Seseorang ahli yang telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa akan berkhidmat secara sukarela kepada pertubuhan.
 - 3) Penyerahan tugas yang lengkap dan teratur disediakan secara bertulis selepas setiap pemilihan AJK.
 - 4) Memastikan keputusan kolektif tercapai dengan menghormati dan mengambil kira pandangan semua ahli.
 - 5) Memastikan perbincangan diadakan dan persetujuan antara ahli jawatankuasa tercapai sebelum memberi apa-apa pandangan rasmi terhadap isu-isu semasa.



PRINSIP KOD TADBIR URUS BAIK PERTUBUHAN


PRINSIP 5

Bertindak
Dengan Penuh
Berintegriti
Dan Telus



COGG

- 
- 1) Seorang ahli jawatankuasa/pekerja perlu mengisytiharkan konflik kepentingan yang wujud atau mungkin timbul kepada jawatankuasa dengan menandatangani perakuan bertulis:
 - i) Mengisytiharkan hubungan kekeluargaan dengan ahli jawatankuasa/pekerja yang lain;
 - ii) Menawarkan untuk menarik diri dalam mana-mana mesyuarat jawatankuasa dan tidak boleh mengundi dan direkodkan dalam minit mesyuarat;
 - iii) Memastikan bahawa tiada ahli-ahli/pekerja/penderma-penderma yang menggunakan pertubuhan itu untuk kepentingan peribadi;
 - iv) Tidak terlibat dalam tuntutan imbuhan kecuali atas urusan rasmi.
 - 2) Seorang ahli jawatankuasa/pekerja tidak boleh untuk terlibat dalam sebarang urusan yang melibatkan kepentingan individu.
 - 3) Mana-mana pekerja yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan ahli jawatankuasa (semasa), perlu melalui prosedur perantaraan, penilaian prestasi serta gaji seperti yang ditentukan oleh prosedur tanpa pengecualian. Sekiranya terdapat pekerja sedemikian, ahli jawatankuasa tersebut perlu mengisytiharkan hubungan tersebut agar tidak mempengaruhi sebarang keputusan.
 - 4) Memastikan tadbir urus pertubuhan adalah sentiasa terjaga.
 - 5) Peranan dan fungsi-fungsi pertubuhan hendaklah dimaklumkan kepada ahli pertubuhan/masyarakat secara terbuka.

- 
- 
- 6) Memberi pengiktirafan kepada ahli-ahli yang telah memberi sumbangan dan pengorbanan kepada persatuan.
 - 7) Sentiasa mempertimbangkan tanggungjawab kepada komuniti secara umumnya.
 - 8) Jawatankuasa perlu mewujudkan mekanisme yang khusus bagi memastikan prosedur/polisi pertubuhan dipatuhi tertakluk kepada undang-undang yang digunapakai. Sebarang bentuk pelanggaran perlu diambil tindakan undang-undang.
 - 9) Mewujudkan mekanisme untuk melindungi 'whistle blower' (pemberi maklumat).
 - 10) Memastikan bahawa terdapat prosedur dan polisi untuk mengatasi ketidakjujuran dan salah guna kuasa. Ianya mungkin akan melibatkan prosedur tatatertib dalaman bagi kes-kes yang serius.
 - 11) Memastikan ahli diberi peluang bela diri sebelum diambil sebarang tindakan disiplin terhadapnya.



- 12) Pertubuhan perlu mendengar dan memberi maklum balas kepada semua pihak berkepentingan (stakeholders).
- 13) Mengendalikan pandangan dan kritikan secara membina, adil, telus dan cekap.
- 14) Menyediakan saluran khusus bagi membolehkan ahli-ahli pertubuhan menyuarakan pendapat untuk menambahbaik tadbir urus pertubuhan contohnya peti cadangan (suggestion box).
- 15) Tidak mengagihkan lebih wang pertubuhan semasa dibubarkan sesama ahli sebaliknya disalurkan kepada mana-mana pertubuhan yang mempunyai objektif serupa dengan pertubuhan.
- 16) Sebagai sebuah pertubuhan sukarela, ahli jawatankuasa tidak sepatutnya dibayar untuk menjalankan tugas-tugas sebagai ahli jawatankuasa. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan mendesak, sebarang bayaran yang diberi kepada ahli jawatankuasa perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran dalam mesyuarat agung. Sekiranya terdapat sebarang pemberian elaun, ianya perlulah dinyatakan dengan jelas dalam penyata kewangan.
- 17) Kesemua ahli pertubuhan perlu didedahkan tentang risiko keterlibatan dalam aktiviti penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.
- 18) Pertubuhan hendaklah mengelakkan daripada menggajikan kenalan dan keluarga untuk berkhidmat sebagai perunding atau penyampai perkhidmatan pertubuhan tersebut.

Ikran Integriti Pertubuhan

Kami sebagai sebuah persatuan yang berdaftar di Malaysia dengan rela hati berikrar untuk melaksanakan tadbir urus persatuan dengan ketulusan dan penuh berintegriti, melalui tindakan berikut:

1

Komitew untuk menguruskan sesuatu pertubuhan berdasarkan kod tadbir urus pertubuhan yang baik serta memastikan tadbir urus pertubuhan sentiasa terjaga

Mengisytiharkan sebarang hubungan antara ahli jawatankuasa dan pekerja

2

3

Memastikan bahawa tiada ahli-ahli/ pekerja/ penderma-penderma yang menggunakan pertubuhan itu untuk kepentingan peribadi

Memastikan peranan dan fungsi-fungsi pertubuhan dimaklumkan kepada ahli pertubuhan serta memberi maklumbalas kepada semua pihak berkepentingan dengan telus (stakeholders)

4

5

Mewujudkan mekanisma yang khusus bagi memastikan prosedur / polisi pertubuhan dipatuhi tertakluk kepada undang-undang yang digunakan

Ikran integriti pertubuhan adalah tindakan secara sukarela sesebuah pertubuhan sebelum mengisytiharkan bahawa tadbir urus dijalankan dengan penuh integriti, telus serta semua transaksi yang berlaku adalah mengikut kehendak undang-undang dan peraturan semasa.

Rakan Strategik



Rujukan

DEVELOPMENT, D. O. (2009). DEVELOPING GOOD GOVERNANCE PRACTICES WITHIN THE SOUTH AFRICAN NPO SECTOR. BENCHMARK STUDY REPORT , 2-295.

IRELAND, T. C. (2009). CODE OF CORPORATE GOVERNANCE. IRISH DEVELOPMENT NGOs , 7-60.

THE CHARITY COUNCIL . (2011). CODE OF GOOD GOVERNANCE. CHARITIES AND INSTITUTIONS OF A PUBLIC CHARACTER , 1-63.

COMPANY DIRECTOR, A.I. (2012). GOOD GOVERNANCE PRINCIPLES AND GUIDANCE. FOR NOT-FOR-PROFIT ORGANISATIONS, 11-47.

THE CODE FOUNDING GROUP (2010) GOOD GOVERNANCE: A CODE FOR THE VOLUNTARY AND COMMUNITY SECTOR

THE DEPARTMENT OF INTERNAL AFFAIRS (2014) OFFICER KIT : A RESOURCE FOR CERTIFIED OFFICERS OF REGISTERED CHARITIES. CHARITIES SERVICES.

THE CORPORATE GOVERNANCE ASSOCIATION OF IRELAND (2012). THE GOVERNANCE CODE. A CODE OF PRACTICE FOR GOOD GOVERNANCE OF COMMUNITY, VOLUNTARY AND CHARITABLE ORGANISATIONS IN IRELAND.